

# 'Jabatan Audit Negara perlu betulkan fakta mengenai tanah rizab Melayu'

Oleh Samadi Ahmad

Putrajaya : Pertubuhan Kemanusiaan Masyarakat Antarabangsa Malaysia (MHO) menyarankan Jabatan Audit Negara mengeluarkan laporan lebih konkrit dan pembedaan kesilapan dalam dokumen hak milik Tanah Rizab Melayu (TRM) pada masa depan.

Setiausaha Agungnya, Datuk Hishamuddin Hashim, berkata merujuk kepada laporan Audit Negara 2019 (siri 2) Perak yang dikeluarkan Ketua Audit Negara menggambarkan wujud kelemahan pengendalian rekod atau daftar menyebabkan statistik TRM tidak memberi gambaran sebenar keluasan tanah di negeri berkenaan.

Beliau berkata, pewartaan TRM juga mengambil masa lama untuk disempurnakan dan pengisytiharaannya juga tidak menepati syarat serta proses pemberian milikan didapati tidak diadakan secara teratur.

Katanya, kesilapan tindakan pembedaan diambil Pejabat Tanah dan Galian (PTG) juga membenarkan berlakunya pindah milik kepada bukan Melayu walaupun bertentangan enakmen Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Bab 142 (ERM 142).

"Sebagai contoh pindah milik kepada bukan Melayu membabitkan satu lot TRM di Mukim Jaya Baru, Perak Tengah dan dua lot TRM di Mukim Setiawan, Manjung yang keseluruhannya membabitkan kawasan seluas 3,214.084 hektar," katanya di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Penasihat MHO, Tan Sri Musa Hasaan.

Hishamuddin berkata demikian sebelum menyerahkan memorandum kepada Jabatan Audit Negara menggesa Ketua Audit Negara memberi syor dan saranan kepada PTG Perak untuk mengembalikan TRM yang dipindah milik secara salah kepada bukan Melayu.

Bagaimanapun, memorandum itu gagal diserahkan kepada Jabatan Audit Negara selepas seorang pegawai jabatan itu memaklumkan ia perlu diserahkan kepada PTG Perak dan bukan di bawah bidang kuasa jabatan itu.

Hisamuddin berkata, pencerobohan TRM disebabkan kelemahan tindakan penguatkuasaan sehingga menimbulkan kerugian kepada kerajaan negeri dan jumlah TRM juga semakin berkurangan.

Beliau berkata, selain TRM yang bertukar hak status apabila dipindah milik kepada bukan Melayu, terdapat sebilangan TRM yang masih berstatus rizab Melayu tetapi dimiliki bangsa lain yang mana proses pindah milik yang berlaku diragui serta tidak mengikut undang-undang.

Katanya, MHO menyarankan TRM dikembalikan semula kepada pihak yang betul dengan mengguna pakai Seksyen 380 Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 iaitu berkaitan pembetulan kesilapan dalam dokumen hak milik dan Seksyen 417 KTN 1965 menggunakan autoriti am mahkamah," katanya.

-Berita Harian